

# Pek Permulaan ePerolehan

## Pengenalan

Tahniah kerana anda telah berjaya berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia. Anda cuma beberapa langkah daripada melakukan transaksi perniagaan dengan pihak Kerajaan melalui sistem ePerolehan. Melalui sistem ePerolehan, usaha pemasaran serta maklumat perniagaan anda mampu dihubungkan kepada lebih 2,200 Agensi Kerajaan yang telah eP enabled secara terus dan efektif. Ini bermakna perniagaan anda mampu berkembang maju di dalam suasana urusan niaga yang lebih selamat, terkawal dan telus. ePerolehan meningkatkan keberkesanan dalam proses pembelian pengguna yang turut menjamin penjimatan kos, mempercepatkan pembayaran, kelebihan daya saing serta kepuasan pengguna.

## Kelebihan Menggunakan ePerolehan

- Proses perolehan yang lebih ringkas dapat mengurangkan kos pentadbiran dan operasi anda.
- Proses pembayaran melalui Pindahan Dana Elektronik (Electronic Funds Transfer) yang lebih cepat.
- Transaksi dijamin selamat di mana ia menyekat kemasukan pihak yang tidak berkenaan dan kerahsiaan adalah terjamin.
- Anda boleh berhubung secara terus dengan pelanggan anda pada bila-bila waktu dan dari mana-mana lokasi, secara online melalui Internet.
- Berurusan niaga melalui Internet membolehkan anda menceburi dunia perniagaan elektronik dan pasaran antarabangsa.
- Semua tawaran akan dikumpul dan satu jadual perbandingan dijana secara automatik. Ciri ini membolehkan proses penilaian dapat dibuat dengan lebih efisien dan efektif.
- Tawaran yang diterima daripada pembekal akan disimpan dengan selamat dan terjamin dengan menggunakan ciri 'data encryption'. Maklumat tawaran hanya boleh dibuka dan dilihat pada masa dan tarikh pembukaan yang telah ditetapkan melalui proses data 'decryption' yang terkawal.
- ePerolehan menyediakan kemudahan untuk memantau status pendaftaran, pembelian serta proses Sebut Harga, Tender dan eBidding.

## **Modul ePerolehan**

### **Modul Pendaftaran Pembekal**

- Portal utama bagi aktiviti pendaftaran syarikat/firma perunding dengan Kementerian Kewangan Malaysia.
- Merangkumi aktiviti permohonan baru, pembaharuan, tambah bidang, permohonan taraf Bumiputera dan kemaskini profil secara elektronik.

### **Modul Kontrak Pusat**

- Perolehan yang melibatkan produk khusus dari pembekal yang terpilih oleh Kementerian Kewangan Malaysia untuk tempoh tertentu.

### **Modul Pembelian Terus**

- Perolehan bekalan dan perkhidmatan secara elektronik bernilai sehingga RM50,000 setiap pesanan.

### **Modul Sebut Harga**

- Perolehan bekalan dan perkhidmatan secara elektronik bernilai melebihi RM50,000 sehingga RM500,000 setiap pesanan.

### **Modul Tender**

- Perolehan bekalan dan perkhidmatan secara elektronik bernilai melebihi RM500,000 setiap pesanan.

### **eBidding**

- Perolehan secara elektronik yang berdaya saing berasaskan konsep "Reverse Auction".

## Menyertai ePerolehan

Anda perlu menuruti langkah-langkah berikut bagi menjadi pembekal eP Enabled untuk berurusan dengan Agensi Kerajaan.

### Langkah 1

#### Akses kepada infrastruktur asas

Pembekal perlu mempunyai akses kepada infrastruktur asas iaitu komputer dan Internet yang memenuhi spesifikasi minima bagi menggunakan sistem ePerolehan.

1. Komputer/Prosesor (Pentium 111, 800MHz atau lebih, 40GB Hard Disk dengan RAM 256MB, Modem 56 kbps.
2. Akses Internet seperti Jaring, TMNet, Broadband dan lain-lain.
3. Pelayar web Microsoft Internet Explorer 6.
4. Medium Akses ePerolehan sama ada token ePXS atau Kad Pintar beserta Alat Pembaca Kad Pintar (TLP 224/PCSC).
5. Muat turun perisian yang diperlukan.

### Langkah 2

#### Mendaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia

Pembekal hendaklah berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia melalui sistem ePerolehan di [www.eperolehan.gov.my](http://www.eperolehan.gov.my). Pembekal yang telah mendapat kelulusan akan menerima Sijil Akuan Pendaftaran.

### Langkah 3

#### Memohon Sijil Digital ePerolehan

Pembekal hendaklah memiliki sijil digital ePerolehan yang disimpan dalam bentuk MyKad, MyeP atau ePXS. Permohonan boleh dibuat semasa proses pendaftaran dengan Kementerian Kewangan Malaysia di [www.eperolehan.gov.my](http://www.eperolehan.gov.my) atau di [www.commercedc.com.my](http://www.commercedc.com.my).

### Langkah 4

#### Menyediakan Katalog Elektronik

Pembekal yang ingin berurusan melalui modul Pembelian Terus, perlu mempunyai katalog elektronik yang dicipta di dalam sistem katalog eCat di [www.eperolehan.gov.my](http://www.eperolehan.gov.my) atau di [www.commercedc.com.my](http://www.commercedc.com.my).

### Langkah 5

#### Menyertai Latihan ePerolehan

Pembekal boleh memilih untuk mempelajari cara menggunakan sistem ePerolehan melalui eP Online Learning (ePOL) atau menghadiri latihan dalam kelas. Untuk memuat turun ePOL atau mendaftar sila layari laman web [www.eperolehan.gov.my](http://www.eperolehan.gov.my) atau [www.commercedc.com.my](http://www.commercedc.com.my). Jika anda ingin menghadiri latihan di dalam kelas yang lebih komprehensif, sila hubungi [perunding\\_ep@commercedc.com.my](mailto:perunding_ep@commercedc.com.my).

## **Khidmat Bantuan**

Untuk pertanyaan lanjut, hubungi kami melalui:

Telefon : 03-7985 7777

E-mel : [bantuan@eperolehan.gov.my](mailto:bantuan@eperolehan.gov.my)

Faks : 03-7985 7800

ATAU kunjungi mana-mana kaunter ePerolehan Centre yang berdekatan

Layari : **[www.eperolehan.gov.my](http://www.eperolehan.gov.my)** untuk alamat lengkap ePerolehan Centre kami yang terdekat.

# Dapatkan perkhidmatan nilai tambah ePerolehan secara PERCUMA

## 1. Latihan Penggunaan Sistem ePerolehan

Latihan ePerolehan disediakan untuk memberi pendedahan mengenai penggunaan sistem ePerolehan. Anda boleh memilih sama ada menghadiri latihan di pusat latihan kami atau pembelajaran melalui Internet menggunakan eP Online Learning (ePOL). Akses kepada latihan melalui pembelajaran sendiri diberikan secara percuma dan boleh dimuat turun di [www.eperolehan.gov.my](http://www.eperolehan.gov.my) atau [www.commercedc.com.my](http://www.commercedc.com.my).

## 2. Ruang Katalog Elektronik di dalam ePerolehan

Semua pembekal berdaftar dengan MOF layak mendapat ruang katalog elektronik tanpa had secara percuma. Pendaftaran dan penciptaan katalog perlu dilakukan di dalam sistem eCat v2.0 di [www.eperolehan.gov.my](http://www.eperolehan.gov.my) atau [www.commercedc.com.my](http://www.commercedc.com.my). Sila baca panduan yang disediakan untuk mencipta katalog.

## 3. Woksyop Mencipta Katalog di dalam eCAT v2.0

Bagi pembekal yang memerlukan bantuan untuk mempelajari cara mencipta katalog di dalam sistem eCat v2.0, anda boleh menghadiri woksyop di pusat latihan ePerolehan di Petaling Jaya atau di ePerolehan Centre yang tertentu. Pendaftaran perlu dilakukan melalui e-mel ke [programkatalog@commercedc.com.my](mailto:programkatalog@commercedc.com.my) untuk mendaftar tempat.

## 4. Maklumat Syarikat di ePerolehan Direktori

ePerolehan Direktori adalah salah satu sumber informasi primer bagi urusan perolehan Kerajaan. Maklumat syarikat anda akan diiklankan secara percuma apabila syarikat anda memenuhi syarat pembekal eP Enabled. Jika syarikat anda berminat untuk mengiklan dengan lebih lanjut, sila hubungi kami melalui e-mel di [perunding\\_ep@commercedc.com.my](mailto:perunding_ep@commercedc.com.my).

## 5. Notifikasi Tender/Sebut Harga

Tender2U merupakan perkhidmatan nilai tambah yang memberi notifikasi tender dan sebutharga yang dikeluarkan oleh agensi Kerajaan, badan berkanun, agensi tempatan, korporat dan lain-lain. Notifikasi percuma akan dihantar melalui e-mel. Syarikat anda layak mendapat notifikasi ini selama 30 hari apabila mendaftar sendiri di sistem Tender2u di [www.tender2u.com.my](http://www.tender2u.com.my).

## 6. Kemudahan Komputer dan Rundingan di ePerolehan Centre

ePerolehan Centre menyediakan perkhidmatan percuma untuk kemudahan pembekal yang ingin berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan menjadi Pembekal eP Enabled. Di ePerolehan Centre anda boleh mendapat maklumat dan bantuan mengenai ePerolehan dari pegawai terlatih. Sila rujuk laman web [www.eperolehan.gov.my](http://www.eperolehan.gov.my) untuk alamat lengkap ePerolehan Centre.

## Lampiran - Surat dari Kementerian Kewangan Malaysia



KEMENTERIAN KEWANGAN  
(Ministry of Finance Malaysia)  
KOMPLEKS KEMENTERIAN KEWANGAN  
PRECINT 2  
PUSAT PENTADBIRAN  
KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62592 PUTRJAYA

Tel : 03-88823883  
: 03-88823333  
Fax : 03-88824224  
Telex : FEDTRY MA 30242

Rujukan : S/K.KEW/PK/EP/1100/000000/143/23 Jld.3(7)  
Tarikh : 3 Disember 2002

Semua Pembekal

Pelaksanaan Perolehan Kerajaan Melalui Sistem ePerolehan

Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Kewangan telah membuat keputusan supaya semua urusan perolehan Kerajaan sama ada secara pembelian terus, sebut harga atau tender hendaklah melalui sistem ePerolehan. Sehubungan itu, semua pembekal hendaklah menyediakan infrastruktur dan menjalani latihan penggunaan sistem ePerolehan. Pembekal yang tidak menyediakan infrastruktur yang diperlukan akan kehilangan peluang berurusan dengan Kerajaan.

2. Untuk mendapatkan khidmat bantuan dan kemudahan ePerolehan tuan/puan bolehlah menghubungi:

Commerce Dot Com Sdn. Bhd.,  
Blok Enggang, Kompleks Pejabat dan Villa,  
Cyberview Gardens,  
63000 Cyberjaya,  
SELANGOR DARUL EHSAN.

Telefon : 03-83122525  
Faks : 03-83122666  
E-mail : bantuan@eperolehan.gov.my

Sekian, terima kasih.

‘BERKHIDMAT UNTUK NEGARA’

Saya yang menurut perintah,

( Tan Sri Dr. Samsudin bin Hitam )  
Ketua Setiausaha Perbendaharaan

## Lampiran - Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil 15 Tahun 2002



### SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN BIL.15 TAHUN 2002

Ketua-ketua Setiausaha Kementerian,  
Ketua-ketua Jabatan Persekutuan,  
Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri

#### PELAKSANAAN PEROLEHAN KERAJAAN MELALUI SISTEM ePEROLEHAN

Surat Pekeliling Perbendaharaan ini bertujuan untuk memaklumkan pelaksanaan modul Kontrak Pusat dan modul Pembelian Terus (runcit) melalui sistem ePerolehan telah dilaksanakan secara berperingkat-peringkat bagi semua agensi Kerajaan Persekutuan.

2. Semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang telah dilengkapi dengan infrastruktur ePerolehan (enabled) dikehendaki menggunakan sistem ePerolehan bagi semua pembelian di bawah Kontrak Pusat. Pembelian terusbagi bekalan/perkhidmatan yang lain hendaklah diperolehi daripada katalog ePerolehan. Pembelian diluar sistem ePerolehan hanya dibenarkan sekiranya bekalan/perkhidmatan yang diperlukan tidak mempunyai katalog dalam sistem ePerolehan.

3. Peraturan perolehan Kerajaan pada masa ini masih membenarkan agensi Kerajaan Persekutuan membuat perolehan secara pembelian terus daripada pembekal/syarikat yang tidak berdaftar dengan Kementerian Kewangan tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 4 Tahun 2002. Walau bagaimanapun, apabila sistem ePerolehan dilaksanakan sepenuhnya, semua PTJ yang telah enabled disyaratkan membuat perolehan bekalan/perkhidmatan hanya daripada pembekal/syarikat yang telah mempunyai infrastruktur ePerolehan (enabled) dan mempunyai katalog bekalan/perkhidmatan dalam sistem ePerolehan.

4. Bagi menjayakan sistem ePerolehan serta menggalakkan syarikat berdaftar dengan Kementerian Kewangan, beberapa peraturan dan syarat pendaftaran syarikat telah dipermudahkan. PTJ yang sering membuat pembelian bekalan/perkhidmatan dengan pembekal/syarikat yang tidak berdaftar dengan Kementerian Kewangan hendaklah meminta pembekal/syarikat berkenaan segera berdaftar dengan Kementerian Kewangan secara online dan seterusnya menyediakan kemudahan infrastruktur ePerolehan serta memuatnaik katalog bekalan/perkhidmatan masing-masing ke dalam sistem ePerolehan.

5. Surat Pekeliling Perbendaharaan ini berkuatkuasa pada tarikh ianya dikeluarkan.  
Sekian, terima kasih.

‘BERKHIDMAT UNTUK NEGARA’

Saya yang menurut perintah,



( Tan Sri Dr. Samsudin bin Hitam )  
Ketua Setiausaha Perbendaharaan,  
6 November 2002  
s.k. Ketua Setiausaha Negara  
Ketua Audit Negara,  
Akauntan Negara Malaysia, dan  
Semua Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri.